



MAJLIS ULAMA UMNO MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**Oleh Dato' Dusuki Ahmad
Pengerusi Majlis Ulama UMNO Malaysia**

Mesyuarat Majlis Ulama UMNO Malaysia bersama Majlis Hal Ehwal Agama UMNO yang berlangsung pada 19 Mei 2026 bersamaan 2 Zul Hijjah 1447H telah mengambil ketetapan perkara-perkara berikut:-

1. Isu tuduhan dan penghinaan ke atas sahabat utama Nabi SAW yang dilakukan oleh Ahli Parlimen Pasir Puteh merupakan isu merentasi parti dan tidak mencerminkan akhlak seorang pemimpin Islam.
 - i. Kenyataan Dr. Nik Zawawi Saleh itu melalui perkataannya: "Saya bukan hina sahabat Nabi tetapi kata-kata saya itu adalah fakta realiti zaman jahiliah".
 - ii. Isunya apakah pada zaman jahiliah itu Abu Bakar as-Sidiq bapa ceti dan Umar al-Khattab berperangai ganas dan suka berzina?
 - iii. Tuduhannya bahawa Abu Bakar yang memberi pinjam kepada orang ramai dan menekan golongan miskin manakala Umar al-Khattab pula dikatakan kaki perempuan dan perogol, perangai Saidina Osman dan Saidina Ali KW adalah serupa.
 - iv. Sesungguhnya tuduhan itu amat tidak beradab dan amat tidak berakhlak.
 - v. Sesungguhnya Allah SWT melaknat orang seperti ini sebagaimana hadith yang bermaksud: "Sesiapa yang mencela sahabatku, maka ke atasnya laknat Allah SWT, laknat para malaikat dan laknat seluruh manusia".

2. Setelah berbincang panjang, maka mesyuarat menggesa pihak berkuasa agama negeri-negeri dan pihak PDRM mengambil tindakan tegas ke atas beliau berdasarkan sebab-sebab berikut:
 - i. Kenyataan itu menimbulkan keresahan umat Islam
 - ii. Ianya melibatkan sifat kemuliaan para sahabat dan Khulafa' Rasyidin
 - iii. Menjaga keharmonian ajaran Ahli Sunnah Waljamaah
 - iv. Melibatkan kuasa Raja-raja Melayu
 - v. Ianya dibimbangi boleh membatalkan syahadah

3. Kedua, mesyuarat juga bersetuju mengadakan Multaqa Ilmuwan Islam kali kedua sempena Perhimpunan Agung UMNO pada bulan Ogos 2026.
 - i. Temanya ialah "Islah Siyasi Malaysia"
 - ii. Tujuannya adalah untuk mendaulatkan prinsip siasah syar'iyah bagi meningkatkan kefahaman bahawa setiap tindakan dan dasar politik UMNO adalah selari dan menepati dengan tuntutan Islam untuk kebahagiaan dunia dan akhirat
 - iii. Panelisnya terdiri daripada ulama dan ilmuwan Islam yang dihormati umum
 - iv. Sasaran pesertanya adalah seramai 700 orang yang terdiri daripada 3 orang penggerak Islam dari setiap bahagian UMNO seluruh negara dan NGO-NGO Islam yang terpilih
 - v. Antara mauduknya ialah:
 - a) Memahami perbezaan nas qati'e dan ijthadi
 - b) Isu-isu Islam dan umat Islam semasa
 - c) Adab dan uslub berdakwah